

Notis Perlindungan Data Peribadi (Bahasa Malaysia)

Notis Akta Perlindungan Data Peribadi ini menggariskan bagaimana Hospital Lam Wah Ee (HLWE) menggunakan dan menyelenggara data selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami berusaha untuk melindungi maklumat yang terkumpul mengenai anda. Kami tidak akan dapat mendaftar maklumat anda jika anda gagal memberikan data peribadi anda. Ini akan menyebabkan kami tidak dapat memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada anda.

Isi Kandungan:

1. [Data Peribadi](#)
2. [Sumber Data Peribadi](#)
3. [Tujuan Pengambilan Data Peribadi](#)
4. [Penyampaian kepada Pihak Ketiga](#)
5. [Pengekalan Data Peribadi](#)
6. [Ketepatan Maklumat](#)
7. [Perubahan pada Notis](#)
8. [Akses dan Kemaskini Data Peribadi](#)
9. [Pesakit Tidak Kompeten](#)
10. [Kebenaran](#)

Data Peribadi

Data peribadi adalah maklumat peribadi anda yang merangkumi (nama, alamat, jantina, taraf perkahwinan, nombor kad pengenalan, nombor pasport, tarikh lahir, keturunan, bangsa, gambar, nombor telefon, alamat emel, pekerjaan, ugama, maklumat perbankan, maklumat kewangan) dan data sensitif seperti maklumat perubatan (seperti laporan makmal, jenis darah).

Sumber Data Peribadi

Tambahan pada data peribadi yang diperolehi dari anda atau wakil anda (ibubapa/ penjaga, waris) atau melalui emel dan surat, panggilan telefon dan perbualan semasa soal selidik dan interaksi bersama HLWE, HLWE boleh memperolehi Data Peribadi dari sumber lain termasuk semasa pendaftaran di HLWE sebagai pesakit, pekerja, penjamin, dan mana-mana pihak ketiga yang bersangkutan seperti majikan/bakal majikan, syarikat insuran, dan fasiliti penjagaan kesihatan lain dan sumber-sumber yang telah anda benarkan.

Tujuan Pengambilan Data Peribadi

Data peribadi yang anda beri secara sukarela boleh diguna dan diproses bagi tujuan berikut:-

1. perkhidmatan yang anda mahu dan yang sedang anda terima
2. insuran, penggunaan oleh pihak ketiga dan pihak ketiga yang lain/li>
3. menjawab pertanyaan dan maklum balas dari anda
4. perhubungan dengan anda mengenai perkhidmatan/acara semasa dan akan datang
5. menilai kedudukan kredit anda dan proses pembayaran
6. aktiviti pengurusan dalaman dan operasi
7. rekod secara audio bagi audit kualiti
8. pencegahan jenayah (seperti liputan CCTV)
9. menyiasat, melapor dan mencegah atau sebaliknya berkaitan dengan aktiviti jenayah penipuan
10. penguatkuasaan hak perundangan dan/atau memperolehi nasihat perundangan
11. lain -lain tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang, peraturan dan garis panduan dan/atau pihak berkuasa

Penyampaian kepada Pihak Ketiga

HLWE boleh memberi Data Peribadi anda kepada badan-badan berikut:-

1. Kementerian Kesihatan, Jabatan Hasil dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perkeso, agensi penguatkuasaan undang-undang dan lain-lain badan berkanun

2. syarikat insuran, syarikat kad kredit, majikan pesakit, penjamin, dan/atau agensi kredit/pengurusan kredit, institusi kewangan, bakal majikan/majikan semasa
3. semasa pesakit dipindahkan ke lain -lain hospital swasta/kerajaan
4. ibubapa/penjaga untuk pesakit dibawah umur
5. pembekal perkhidmatan teknologi informasi, kontraktor, pembekal/syarikat yang berurusan dengan HLWE
6. Juruaudit dalaman, penasihat undang -undang dan/atau penasihat kewangan dan lain -lain pihak ketiga dibawah perundangan dan peraturan, sapena, perintah mahkamah, dan lain-lain proses perundangan
7. badan akreditasi semasa tinjauan
8. apabila terdapat risiko yang tinggi kepada kebajikan anda
9. menerbitkan maklumat hutang mengikut ketetapan HLWE dan tanpa sebarang notis selagi kos perkhidmatan tidak dibayar sepenuhnya

Pengekalan Data Peribadi

Semua Data Peribadi akan disimpan selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan tertentu dimana data akan dikumpul. Pengekalan akan dilakukan mengikut ketetapan garis panduan, prosedur dan prinsip HLWE atau untuk memenuhi keperluan perundangan dan peraturan dalaman.

Setelah dipenuhi semua keperluan, HLWE akan menghapuskan dan meluputkan semua Data Peribadi mengikut polisi pemusnahan HLWE.

Ketepatan Maklumat

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memberitahu kami sebarang perubahan pada Data Peribadi. Anda boleh melakukan demikian dengan mengisi Borang Perubahan pada Data Peribadi yang diperolehi dari Jabatan Perhubungan Pelanggan.

Perubahan pada Notis

HLWE mempunyai hak untuk menukar Notis ini tanpa sebarang pemberitahuan. Nasihat kami supaya anda meneliti Notis secara berkala. Jika terdapat ketaktelekan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Akses dan Kemaskini Data Peribadi

Anda boleh mengakses dan meminta pengemaskinian dan pembetulan data peribadi anda. HLWE boleh menolak permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda dibawah Akta Perlindungan Data Peribadi dan/atau demi keselamatan pesakit kami. (misalnya apabila identiti anda tidak dapat dipastikan).

Sebarang pertanyaan atau permintaan untuk mengakses dan untuk menarik balik kebenaran ini hendaklah diajukan kepada jabatan yang mengendalikan kes anda atau Jabatan Perhubungan Pelanggan melaui talian 04 -652 8926 atau emel cuservice@hlwe.com

Pesakit Tidak Kompeten

Pesakit yang tidak kompeten adalah pesakit yang disahkan tidak kompeten dari segi mental, undang-undang dan dibawah umur 18 tahun. Jika Data Peribadi dimaklumkan kepada HLWE, anda sebagai penjaga yang sah dengan ini membenarkan data ini diproses dan menerima dan bersetuju dengan syarat-syarat Notis ini dan bertanggungjawab keatas perilaku pesakit.

Kebenaran

HLWE hanya menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan yang bersesuaian dan dengan kebenaran anda. Data peribadi anda tidak akan diguna untuk tujuan lain dari yang dinyatakan di dalam notis ini, kecuali dengan persetujuan anda dan lain-lain tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang.

Jika anda tidak membenarkan HLWE memproses Data Peribadi anda, anda boleh menarik balik kebenaran ini melalui Jabatan Perhubungan Pelanggan